



**1. JURURAWAT (BIDANG PERGIGIAN)  
JABATAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
M.7-8 EB.9 [\$1,310 - \$2,315 SEBULAN]  
KEKOSONGAN=16**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Pemohon mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap.
2. Diploma Higin dan Terapi Pergigian (Diploma in Dental Hygiene and Therapy) atau sebanding dan bersesuaian dalam bidang pergigian.
3. Memenuhi syarat-syarat kelayakan pendaftaran dengan Lembaga Jururawat bagi Brunei (*Nursing Board For Brunei*) atau mana-mana Lembaga yang berkenaan dan diiktiraf.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURURAWAT:**

1. Bertugas di Klinik-Klinik pergigian sekolah / pusat-pusat / klinik-klinik kesihatan / hospital atau menyertai program-program promosi kesihatan mulut mengikut keperluan jabatan.
2. Melaksanakan tugas-tugas Juruterapi dan Juruhigin Pergigian mengikut dasar-dasar dan tatacara perawatan yang tertentu.
3. Membuat rawatan klinikal di bawah skop rawatan yang dibenarkan bagi kanak-kanak yang berumur 17 tahun ke bawah.
4. Membuat rawatan klinikal bagi skop juruhigin dan terapi pergigian untuk pesakit dewasa dan tampilan dewasa.
5. Mempastikan penggunaan dan pemeliharaan peralatan-peralatan pergigian dijalankan dan dikendalikan dengan teratur, bahan-bahan dan peralatan-perlatan pergigian didalam simpanan mencukupi dan dalam keadaan baik dan tidak mansuh.



6. Memberi kaunselling, tunjuk ajar dan nasihat tentang penjagaan kesihatan mulut kepada murid-murid sekolah, ibu-ibu mengandung, ibu bapa, penjaga kanak-kanak serta orang ramai.
7. Merujuk masalah rawatan pergigian yang diluar keupayaan kepada Jururawat Pergigian Kanan / Pegawai Pergigian.
8. Menyediakan catatan harian dan bulanan untuk kegunaan statistik bagi keperluan Jabatan dan Kementerian.
9. Mengambil radiografi (*X-Ray*) gigi dan mencalak gigi “*Impression*” untuk keperluan pesakit dewasa.
10. Membuat rawatan “*Pulpotomy*” dan rawatan “*stainless steel crown*” bagi kegigian susu.
11. Penggunaan anestetik setempat, Infiltrasi dan Regional didalam rawatan pergigian tertentu.
12. Membuat sapuan varnis berfluorida dan membuat rawatan pengapan fisur.
13. Memberikan ceramah bagi pembelajaran berterusan jururawat pergigian bila diperlukan.
14. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.